

BAB TIGA

DAPATAN DAN ANALISA KAJIAN

3.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan membentangkan keseluruhan hasil dapatan kajian. Pengkaji membahagikan kepada tiga bahagian utama dalam membentangkan dapatan kajian ini berlandaskan metodologi kajian yang telah digariskan dan seterusnya membuat analisa ke atas dapatan tersebut. Berikut dibentangkan dapatan dan analisa kajian :-

3.1 BAHAN-BAHAN BAHASA ARAB YANG MENGANDUNGI KESILAPAN NAHU DAN *SARAF*.

Sebelum membuat analisa lanjut ke atas dapatan pemerhatian, pengkaji terlebih dahulu menyenaraikan bahan - bahan bahasa Arab yang telah dikenal pasti mengandungi kesilapan nahu dan *saraf* dalam penyampaian khutbah Jumaat seperti jadual berikut :-

Jadual

Bahan-bahan bahasa Arab yang mengandungi kesilapan nahu dan *saraf*.

BIL	TAJUK	DATA KESILAPAN	JENIS KESILAPAN
1	Ayat al-Quran Surah A:li 'Imra:n :110	وَلَوْ آمَنَ أَهْلَ الْكِتَابِ	Menaşabkan <i>fa: 'il</i>
2	Penutup Khutbah	فَاذْكُرُوا اللَّهَ	Merafa 'kan <i>maf'u:l</i>
3	Doa	وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ	Merafa 'kan <i>maf'u:l</i>
4	Ayat al-Quran Surah <i>al-Aḥza:b</i> : 21	لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ	Menjarkan tempat <i>ma 'tu:f</i> atas <i>manşu:b</i>
5	Ayat al-Quran Surah <i>al-Aḥza:b</i> : 56	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ	Menjarkan tempat <i>ma 'tu:f</i> atas <i>manşu:b</i>
6	Penutup Khutbah.وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ	Merafa 'kan <i>muḍa:f</i> <i>ilaih</i>
7	Doa	اللَّهُمَّ الْفَ بَيْنَ قُلُوبِنَا	Kata kerja <i>ma:ḍi</i>
8	Selawat	وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ	<i>Ma 'tu:f</i> dengan kata kerja <i>amr</i>

3.2 ANALISA DAPATAN PEMERHATIAN BERKAITAN KESILAPAN NAHU DAN *SARAF* DALAM PENYAMPAIAN KHUTBAH JUMAAT

Pengkaji telah membuat pemerhatian khusus terhadap penyampaian khutbah di beberapa buah masjid utama di Daerah Perak Tengah. Pengkaji membuat pemerhatian untuk mengesan dan mengumpul isu-isu bahasa Arab yang berlaku di persekitaran kajian. Isu-isu ini dikumpul untuk dihurai. Pemerhatian ini dilakukan bagi mengenal pasti bahan-bahan bahasa Arab yang melibatkan kesilapan nahu dan *saraf* dalam penyampaian khutbah Jumaat di masjid-masjid berkenaan. Data-data yang diperolehi akan dicatat di dalam borang pemerhatian yang disediakan. Data-data yang diperolehi dari pemerhatian ini merupakan data utama bagi kajian dan ia mempunyai kaitan langsung dengan hasil soal selidik. Dalam situasi ini, pemerhatian dipilih sebagai salah satu kaedah utama mengumpul data bagi mengelak sebarang ketidakpuasan hati atau timbul rasa tidak senang pihak tertentu jika berbicara mengenai isu kajian ini secara bersemuka. Tidak dinafikan bahawa berbicara isu-isu seperti ini amat sensitif dan menyebabkan seseorang itu tidak selesa.

Pengkaji hanya memilih tiga masjid utama yang terletak di Bandar Seri Iskandar iaitu Masjid Daerah Perak Tengah, Masjid/Surau Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Seri Iskandar (mendapat kebenaran mendirikan Jumaat) dan

Masjid Universiti Teknologi Petronas (UTP). Sehubungan itu, pemerhatian hanya tertumpu pada tiga buah masjid tersebut sahaja. (Sila rujuk halaman 43)

Dapatan dari pemerhatian ini dibentangkan dan dianalisa mengikut tajuk-tajuk nahu dan *saraf* serta penjelasan berkaitan kaedah nahu dan *saraf* seperti berikut :-

3.2.1 Kesilapan Meletakkan Tanda Kasus Pada Kedudukan *Fa:‘il*

Data kesilapan ini diperolehi daripada khutbah Jumaat yang disampaikan oleh khatib bertugas pada 13 Mac 2009 di Masjid UTP. Khatib telah membaca ayat al- Quran daripada surah A:li ‘Imra:n : 110 seperti berikut :-

وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ (قرئ بنصب الفاعل)

Pemerhatian ini mendapati kesilapan ketara telah dilakukan oleh khatib kerana melibatkan kesilapan meletakkan baris pada ayat al-Quran yang merupakan salah satu rukun dari rukun-rukun khutbah. Kesilapan ini disebut *al-Laḥn al-Jaliyy* iaitu kesalahan yang berlaku pada lafaz secara jelas dari segi makhraj huruf, *i‘rab* atau sabdu sama ada merosakkan makna atau tidak. Di antara bentuk-bentuk kesilapan *jaliyy* yang berkaitan nahu dan *saraf* ialah :-

- i. Meletakkan baris pada huruf yang mati, seperti **الْحَمْدُ**
- ii. Membuang huruf (sama ada huruf mad atau bukan mad), seperti

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ

- iii. Membaca dengan sabdu pada tempat yang tiada sabdu, seperti نَسْتَعِينُ
- iv. Menukar baris, seperti أَنْعَمْتُ

Hukum melakukan kesalahan *jaliyy* adalah haram lagi berdosa dan jika ia berlaku di dalam bacaan al-Fatihah boleh membatalkan sembahyang bagi mereka yang mampu memperbaiki bacaan al-Fatihahnya. Bagi yang ummi (Di sisi ulamak feqah iaitu orang yang melakukan kesalahan *jaliyy* walaupun satu huruf daripada surah al-Fatihah dan ia tidak mampu memperbaiki kesalahan tersebut) maka ia tidak membatalkan sembahyangnya. (Kertas kerja : Kesalahan Dalam Membaca al-Quran. (2004).

Isu nahu di sini ialah berkaitan *fa:‘il* atau kata nama pelaku. Khatib telah membaca (أَهْلٌ) dengan meletakkan tanda *fathat* yang mana sepatutnya dibaca dengan tanda *dammat* kerana (أَهْلٌ) berada di kedudukan *rafa‘* dan ia merupakan pelaku kepada kata kerja (امن).

Kata nama pelaku (*fa: 'il*) ialah yang melakukan perbuatan. Dari sudut istilahnya *fa: 'il* ialah kata nama (اسم) yang *marfu: ' dan nyata (صريح) atau ditakwilkan dengannya, disandarkan kepadanya dengan kata kerja lengkap (فعل تام) atau yang serupa dengannya.*

Fa: 'il terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu :

- i. *Ṣari:h*, iaitu *fa: 'il*nya adalah kata nama *za:hir* (nyata), contoh surah al Baqarah : 126 (وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ...الآية) surah al-Mu'minin : 1 (قَدْ) (أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ...الآية)
- ii. *Ḍami:r*, iaitu ganti nama yang tersembunyi (مستر), contoh surah al-Baqarah : 15 (اللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ...الآية)
- iii. *Mu'awwal*, iaitu *fa: 'il maṣdar* (kata terbitan) yang difahami daripada kata kerja selepasnya, contoh surah al-Imran : 124 (أَلَنْ يَكْفِيَكُمْ أَنْ) (يُمِدَّكُمْ رَبُّكُمْ...الآية)

Hukum asal bagi *fa: 'il* ialah *marfu: ' seperti contoh-contoh di atas. Namun begitu terdapat keadaan-keadaan di mana ia dijarakan dan yang tinggal*

hanyalah kedudukan *rafa* 'nya sahaja. (*al-Nahw al-'Arabiyy al-Sha:mil Min Khilal al-Quran al-Karim*, 2005 : Jilid 2: 6-7)

Pengkaji tidak bercadang untuk memanjangkan perbicaraan tentang perkara ini kerana tumpuan pengkaji hanya pada hukum asal bagi *fa: 'il* sahaja.

3.2.2 Kesilapan Meletakkan Tanda Kasus Pada Kedudukan *Maf'u:l Bih*

Data kesilapan ini diperolehi daripada khutbah Jumaat yang disampaikan oleh khatib bertugas pada 13 Februari 2009 di Masjid UTP dan pada 22 Mei 2009. Daripada pemerhatian ini, pengkaji memperolehi dua data kesilapan berkaitan hukum yang sama melalui dua penyampaian khutbah pada tarikh yang berbeza. Oleh kerana kesilapan tersebut melibatkan hukum yang sama, maka pengkaji membuat analisa secara serentak dan bersama. Berikut data-data kesilapan tersebut :-

فَاذْكُرُوا اللَّهَ dan وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ (برفع المفعول به)

Pemerhatian ini mendapati kesilapan nahu di mana Khatib telah membaca lafaz (الله) dengan meletakkan tanda *ḍammāt* iaitu untuk kedudukan *rafa* ' ,

sedangkan lafaz (الله) berada di kedudukan *naṣab* yang sepatutnya dibaca dengan tanda *fathat* kerana *maf'u:l bih*.

Maf'u:l bih ialah kata nama yang menunjukkan perbuatan *fa:'il* itu berlaku ke atasnya, sama ada berbentuk positif atau negatif serta tidak merubah bentuk perbuatan, contoh, surah al-An'am : 140 :

(قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ قَتَلُوا أَوْلَادَهُمْ سَفَهًا بِغَيْرِ عِلْمٍ...الآية)

dan surah al-Nisa:' : 157 (وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَٰكِنْ شُبِّهَ لَهُمْ...الآية)

Oleh kerana terdapat pelbagai bentuk kata kerja, maka *maf'u:l bih* juga pelbagai. Ada kata kerja hanya memerlukan satu *maf'u:l bih* sahaja. Contoh, surah Muhammad : 7 (إِنْ تَنْصُرُوا اللَّهَ...الآية)

Ada kata kerja yang memerlukan dua seperti ayat 1, surah al-Kauthar (أَنَا أَعْطَيْتَكَ الْكَوْثَرَ) atau tiga

(وَلَوْ أَرَأَيْتَهُمْ كَثِيرًا لَفَشِلْتُمْ...الآية) surah al-Anfal seperti ayat 4, *Maf'u:l bih*

Terdapat dua bahagian *maf'u:l bih* iaitu *ṣari:h* (nyata) dan tidak *ṣari:h* (tidak nyata). *Ṣari:h* terbahagi kepada dua iaitu *za:hir* seperti ayat 251 : al-Baqarah (وَقَتَلَ دَاوُدُ جَالُوتَ...الآية) dan ganti nama yang bersambung (*ḍami:r*

muttaṣil) seperti ayat 123: A:li Imran (وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ...الآية)

Pembahagian yang kedua iaitu *maf'u:l bih* yang tidak nyata (*ghair şari:h*) terbahagi kepada tiga iaitu ditakwilkan seperti (وَظَنَّ أَنَّهُ الْفِرَاقُ...الآية) al Qiamah : 28, jumlah/frasa ayat yang ditakwilkan dengan *mufrad* seperti (ظننتك تحتهد), dan *jar* serta *majru:r* seperti (أمسكت بيدك) dan ayat 23 : al Nisa: (مِنْ نِسَائِكُمُ اللَّاتِي دَخَلْتُم بِهِنَّ...الآية) Huruf ب pada *هِنَّ* berfungsi sebagai *al- ta'diyyat* (Tafsir *al-Baḥr al-Muḥi:t*, Abu Hayyan jilid 3:212).

Terdapat Empat Perkara Yang Menaşabkan *Maf'u:l Bih* iaitu :-

- i. Kata kerja yang *muta'addi:* seperti (وَوَرَّثَ سُلَيْمَانُ دَاوُدَ...الآية) al-Naml:16
- ii. *Ism fa:'il* bagi kata kerja yang *muta'addi:* untuk satu atau dua, seperti (وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً) al-Baqarah : 30 dan (زَيْدٌ مُّعْطِي خَالِدًا دِرْهَمًا)
- iii. *Al-Şi:ghat al Muba:laghat* seperti (هُوَ حَمَلٌ أَعْبَأَهُمْ)
- iv. *Maşdar* bagi kata kerja *muta'addi:*, seperti ayat 251 : al-Baqarah

(وَلَوْ لَا دَفَعُ اللَّهُ النَّاسَ بَعْضَهُمُ...الآية)

Di Antara Sebab-sebab Rafa' Fa:'il dan Naṣab Maf'u:l Bih ialah :-

- i. Supaya dapat mengenali *fa:'il* daripada *maf'u:l bih* kerana kata kerja hanya terdapat satu pelaku sahaja berbanding *maf'u:l bih* yang boleh menjangkau hingga tiga objek. Oleh kerana bilangan *fa:'il* yang lebih sedikit dari *maf'u:l bih* melayakkan ia dirafa'kan kerana berat berbanding baris *fathat/naṣab* pada *maf'u:l bih* yang dianggap lebih ringan.
- ii. *Fa:'il* menyerupai *mubtada'* dan *mubtada' marfu:'*. Kesamaan di antara keduanya ialah *fa:'il* dan kata kerja merupakan frasa yang sudah difahami seperti juga frasa *mubtada'* dan *khobar*.
- iii. *Fa:'il* lebih kuat daripada *maf'u:l* kerana ia yang menyebabkan perbuatan berlaku, maka wajarlah ia diberi baris yang kuat iaitu *rafa'*.
- iv. Dari sudut susunan, *fa:'il* mendahului *maf'u:l bih* yang mewajarkan ia diberi baris yang berada di daerah artikulasi yang dahulu/awal. (*al-Nahw al-'Arabiy al-Sha:mil Min Khila:l al-Quran al-Kari:m*, 2005:10)

Membezakan Di Antara *Fa:'il* dan *Maf'u:l* (al-Nahw al-'Arabiyy al-Sha:mi Min Khila:l al-Quran al-Kari:m, 2005 : 12-13)

- i. *I'rab*, sama ada nyata tanda pada kedua-duanya atau salah satunya.
Seperti (أكرم زيد عمرا) (شكر عمرو يحي) - tanpa baris)
- ii. Susunan, jika sekiranya kedua-duanya *ism maqṣu:r*, atau *mubham*, atau *na:qiṣ*, yang dahulu adalah *fa:'il*, seperti (ضرب موسى عيسى)
- iii. Sekiranya tidak jelas *i'rab* pada kedua-duanya atau salah satunya seperti (أكرمت المثني الحبلي), Huruf ت menunjukkan *fa:'il muannath* iaitu الحبلي
- iv. Makna, seperti (أكل موسى الكمثرى), makna menunjukkan موسى adalah *fa:'il*
- v. *Tawa:bi'* seperti (أكرم موسى الظريف عيسى), (أكرم موسى و زيد عيسى وعمراً), (أكرم موسى نفسه يحي عينه), (أكرم موسى أخوك يحي أباك), (الكريم)
- vi. Huruf *Jar*, seperti (مر موسى بعيسى), huruf ب menunjukkan عيسى adalah *maf'u:l* kerana kata kerja tersebut *muta'addi*: dengan huruf ب

Susunan Di Antara *Fi'il*, *Fa:'il* dan *Maf'u:l Bih* (al-Nahw al-'Arabiyy al-Sha:mil Min Khila:l al-Quran al-Kari:m, 2005 : 63-70)

Susunan asal dalam struktur ayat/frasa Arab ialah meletakkan *fi'il*, *fa:'il* dan *maf'u:l bih*. Kadang-kadang kedudukan *maf'u:l bih* mendahului *fi'il* dan *fa:'il* dan kadang-kadang ia mendahului *fa:'il* sahaja. Berdasarkan situasi tersebut, terdapat beberapa hukum berkaitan, diantaranya :

- i. Harus *fa:'il* dan *maf'u:l bih* mendahului antara satu sama lain, seperti

(قَرَأَ مُحَمَّدٌ الْقُرْآنَ الْكَرِيمَ, قَرَأَ الْقُرْآنَ الْكَرِيمَ مُحَمَّدٌ)

- ii. Wajib meletakkan *fa:'il* mendahului *maf'u:l bih* pada tempat-tempat berikut, di antaranya ialah :

- a. Jika bimbang wujud kesamaran disebabkan *I'rab* yang tidak jelas serta tiada *qari:nat* (kelu) yang boleh menghilangkan kesamaran tersebut seperti kedua-duanya *ism maqsu:r*, contoh : (أَكْرَمَ مُوسَى عِيسَى), atau *muda:f* kepada *mutakallim* ي (أَكْرَمَ صَدِيقِي أَبِي)

(أَنْ تَضِلَّ أَحَدَاهُمَا فَتَذَكَّرْ) dan ayat 282: al-Baqarah (أَكْرَمَ صَدِيقِي أَبِي)

(أَحَدَاهُمَا الْأُخْرَى)

b. Jika *fa:'il* adalah ganti nama yang bersambung dan غير

محصور dan *maf'u:l bih* kata nama *za:hir*, seperti

(أَتَقَنَّتُ الْعَمَلُ)

c. Jika kedua-duanya ganti nama bersambung dan (*ghair*

maḥṣu:r), contoh ayat 4 : al-Munafiqun (وَإِذَا رَأَيْتَهُمْ تُعْجِبُكَ)

(أَجْسَامُهُمْ...الآية)

d. *Fa:'il* diiḍa:faṭ kepada *maṣdar* yang ditaqdir dengan (أَنَّ dan

fi'il) seperti ayat 251: al-Baqarah (وَلَوْ لَا دَفَعَ اللَّهُ النَّاسَ بَعْضَهُمْ)

(ببعض...الآية)

e. *Fa:'il* dimaḥṣu:r dengan إِنَّمَا , seperti (انما أكرم زيد خالدا), jika

diletakkan *maf'u:l bih* mendahului *fa:'il*, ia akan

menyebabkan bertukar makna.

iii. Wajib meletakkan *maf'u:l bih* mendahului *fa:'il*, seperti situasi

berikut:

- a. Jika *fa:‘il* mengandung ganti nama yang kembali kepada *maf‘u:l bih*. Seperti ayat 124: al-Baqarah (واذ ابتلى ابراهيمَ)
(رَبُّهُ...الآية) (pengkaji pernah mendengar penceramah menukar baris dengan membaca sebaliknya).
- b. Jika *maf‘u:l bih* ganti nama bersambung dan *fa:‘il* kata nama *za:hir*, seperti ayat 55: al-Baqarah (فَأَخَذَتْكُمْ الصَّاعِقَةُ...الآية)
- c. *Fa:‘il* dimahṣu:r dengan انما, seperti ayat 28: al-Fa:ṭir
(انما يخشى الله من عباده العلماءُ) (pengkaji pernah mendengar khatib atau penceramah menukar baris dengan membaca sebaliknya).

Keadaan-keadaan yang melibatkan hukum *maf‘u:l* seperti yang dinyatakan di atas perlu difahami oleh para imam/khatib dan petugas agama. Kesilapan yang kecil ini akan membawa kesan yang besar sekiranya melibatkan ayat-ayat al- Quran seperti pada contoh yang sebelumnya dan contoh berikut :-

3.2.3 Kesilapan Meletakkan Tanda Kasus Pada Kedudukan *Ma'tu:f* yang *Manşu:b*.

Data kesilapan ini diperolehi daripada khutbah Jumaat yang disampaikan oleh khatib yang bertugas pada 27 Februari 2009 di Masjid UTP. Berikut data-data kesilapan tersebut :-

- i. Ayat 21 : *al-Aḥza:b*

لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ (بِخَفْضِ الْيَوْمِ)

- ii. Ayat 56 : *al-Aḥza:b*

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ (بِخَفْضِ مَلَائِكَتِهِ)

Data di atas berkaitan hukum *naşab* iaitu *naşab* pada *maf'u:l bih* pada kalimah (اللَّهُ) dan 'aṭaf (واليوم) pada tempat *naşab*. Kesilapan imam/khatib ialah membaca (واليوم) dengan tanda kasrat (*majru:r*).

Data kedua juga berkaitan hukum *naşab* di mana kalimah (اللَّهُ) mesti dibaca dengan tanda *fathat* kerana ia berada di kedudukan isim إن dan kalimah (مَلَائِكَتَهُ) yang merupakan *ma'tu:f* ke atas isim إن mesti juga dibaca dengan

baris *fathat* iaitu berada di kedudukan *manṣu:b*. Namun, khatib telah melakukan kesilapan yang terang (جلي) dengan membaca (ملاّ تكتنه) dengan berbaris kasraṭ (*majru:r*).

'*Aṭaf* ialah isim yang mengikut pada *ma 'tu:f*nya dengan memakai perantara huruf '*aṭaf*. Terdapat sembilan huruf '*aṭaf* iaitu و, ف, ثم, أو, أم, لا, لكن, بل, حتى. Bab ini biasanya dibincangkan di bawah tajuk *al Tawa:bi*'. Secara umumnya hukum '*aṭaf* ini mengikut *ma 'tu:f* pada keadaan *marfu:*' atau *manṣu:b* atau *majru:r*. Ia tertakluk kepada kedudukan *ma 'tu:f* tersebut.

Berikut dinyatakan ketentuan-ketentuan '*aṭaf* dan *ma 'tu:f*:

- i. Bila sama-sama isim *za:hir*, '*aṭaf* dan *ma 'tu:f* harus sama dalam segi *i 'rabnya*.
- ii. '*Aṭaf* dan *ma 'tu:f* boleh tidak sama dalam segi bentuk kata seperti antara *ism za:hir* dan *Ism ḍami:r* ataupun sebaliknya. Contoh, (قَابِلَ) (أُسْكُتْ أَنْتَ وَأَخْوَك) dan (إِلَى سَعِيدٍ وَهُوَ)
- iii. Bila *ma 'tu:f* terdiri daripada *fi 'l ma:ḍi*, maka '*aṭafnya* pun juga harus *fi 'il ma:ḍi*. Contoh, (أَخَذْتُ وَ أَكَلْتُ الْمَوْنَ)

- iv. Bila *'aṭaf* dan *ma 'tu:f* sama-sama terdiri daripada *fi 'l muḍa:ri*, maka harus sama pada segi *i'rab*nya, sama ada *rafa'*, *naṣab*, mahupun *jazm*. Contoh, (أُرِيدُ أَنْ أَدْخَلَ وَإِنَّمَا فِيهِ) dan (يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَيُؤْمِنُونَ بِالصَّلَاةِ) dan (فَلْيُؤْمِنُوا وَتَتَّقُوا)
- v. Bila *ma 'tu:f*nya terdiri dari *fi 'l amr*, maka *'aṭaf*nya juga harus sama-sama *fi 'l amr*. Contoh, (كُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا)
- (Tatabahasa Bahasa Arab 1, 2008 : 283-284)

3.2.4 Kesilapan Meletakkan Tanda Kasus Pada Kedudukan *Muḍa:f* *Ilaih*

Data kesilapan ini diperolehi dari khutbah Jumaat yang disampaikan oleh khatib bertugas pada 13 Februari 2009 di masjid UTP. Data dikemukakan seperti berikut :

.....وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ (برفع المضاف اليه)

Selain hukum *'aṭaf* seperti yang dinyatakan di atas, hukum berkaitan *iḍa:fat* juga perlu di beri perhatian kerana kemungkinan kesilapan berlaku disebabkan kekeliruan dalam menganalisa hukum tersebut. Kemungkinan

khatib menyangkakan lafaz (الله) berada di kedudukan *fa:‘il* atau lain-lain sangkaan.

Merujuk data kesilapan di atas, sepatutnya khatib membaca (الله) dengan meletakkan tanda *kasrat* kerana perkataan (الله) berada di kedudukan *muḍa:f ilaih* yang hukumnya *majru:r*.

Muḍa:f ilaih dibincangkan dalam hukum yang berkaitan *majru:ra:t*. Ia merupakan *ism majru:r* yang asalnya dijarkan dengan huruf yang ditaqdirkan iaitu ل (huruf *jar*) seperti (هذا الكتابُ لمحمدٍ), kemudian dibuang ل untuk tujuan ringkas. Selain itu, ل *ja:r* juga bermaksud *milkiyyat* iaitu pemilikan. Contoh di atas menunjukkan makna kitab tersebut milik Muhammad. Perlu diberi perhatian juga bahawa isim yang berada di kedudukan *muḍa:f* mesti dibuang أل , atau dibuang *tanwi:n* seperti (هذا بيتُ) (الطلابِ), atau dibuang ن bagi *muthanna:* atau *jama‘ mudhakkar sa:lim* seperti (هاتانِ غرقتا المعلمين) (*al Lughat al ‘Arabiyyat al Muyassarat*, 2007: 165)

Selain *la:m Ja:r*, *muḍa:f ilaih* juga dijar dengan من huruf *ja:r*, atau dengan

في huruf *ja:r* atau dengan faktor *muḍa:f*.

Ditentukan *iḍa:fat* dengan makna من apabila *muḍa:f ilaih* merupakan jenis

bagi *muḍa:f* seperti (هذا خاتمٌ حديدٍ) iaitu خاتمٌ من حديدٍ

Manakala makna في ditentukan apabila *muḍa:f ilaih* adalah *zarf*, seperti

(بل مكرٌ) ضرب زيدٌ في اليومِ (أعجبني ضربُ اليومِ زيدا) Contoh lain seperti

(الليلِ و النهارِ). (Sharḥ Ibn ‘Aqi:l. Jilid 2 : 42)

Pengkaji juga melihat keperluan menjelaskan perbezaan di antara *Iḍa:fat* dan *Ṣifat* seperti berikut :

- i. *Muḍa:f ilaih* merupakan isim, manakala *ṣifat* merupakan satu gambaran yang menunjukkan makna sifat.
- ii. *Ṣifat* dan *mawsu:f* perlu ada kesamaan seperti maskulin dan feminin, *muthanna:* dan *jama‘* dan lain-lain. Manakala *muḍa:f ilaih* tidak perlu kesamaan tersebut. *Muḍa:f* boleh didatangkan dalam bentuk *mufrad* dan *muḍa:f ilaih* boleh didatangkan dalam bentuk *jama‘*

seperti *يَيْتُ الطَّلَابِ* atau gandingan maskulin dan feminin seperti *بيت*

فاطمة

- iii. *Muḍa:f* sama sekali tidak perlukan *أل*, *tanwi:n* dan *ن*. Manakala *mawṣu:f* ada kalanya memerlukan *أل* atau *tanwi:n* atau *ن* (bagi *muthanna:* atau *jama' mudhakkar sa:lim*) dan ada kalanya tidak perlu. (*al-Lughat al-'Arabiyyat al-Muyassarat*, 2007: 167)

Dalam membicarakan *iḍa:faṭ* ini juga, pengkaji ingin menambah sedikit maklumat berkaitan hukum *muna:da:*. Terdapat juga para imam dalam situasi selain khutbah menggunakan *يا* huruf *nida:ʾ* dan disusuli *muna:da:* yang berbentuk *iḍa:faṭ* dengan *merafaʾ*kannya seperti contoh yang dikemukakan pada perkara 1.2 (halaman 11). *Muna:da:* dalam situasi begini dibaca dengan *manṣu:b* kerana ia dianggap sebagai *mafʾu:l bih* dari *fiʾil* yang dibuang dan kemudian ditukar dengan huruf *nida:ʾ*. Taqdir kata tersebut adalah kata *أَدْعُوْا*. *Iʾra:b naṣab* ini berlaku bagi *muna:da:-muna:da:*

seperti berikut :

- i. *Muna:da: Nakirat Ghair Maqṣudat*. Contoh, *يَا مُجَاهِدًا, جَاهِدِ اللَّهَ*
- ii. *Muna:da: Muḍa:f*. Contoh, *يَا مَالِكَ الْمَلِكِ*

iii. *Muna:da: Shibh Muḍa:f.* Contoh, يَا طَالِعًا جَبَلًا.

Situasi *muna:da:* begini perlu dimaklumi selain *muna:da:* yang *marfu:* ‘ dan sebagainya.

3.2.5 Kesilapan Menentukan Kata Kerja *Amr*

Data kesilapan ini diperolehi daripada khutbah Jumaat yang disampaikan oleh khatib bertugas pada 5 Januari 2007 di Masjid UiTM. Berikut dikemukakan data tersebut :-

اللَّهُمَّ الْفَ بَيْنَ قُلُوبِنَا

Pemerhatian ke atas data tersebut mendapati khatib telah membuat kesilapan pada perkataan الْفَّ iaitu menggunakan kata kerja *ma:ḍi*, sedangkan perkataan tersebut lebih tepat sekiranya menggunakan kata kerja *amr*. Daripada data ini, pengkaji berpendapat kesilapan tersebut dilakukan berpunca dari kecelaruan dalam proses *taṣri:f* kata kerja *ma:ḍi* dan *amr*.

Pengkaji akan menganalisa data di atas secara bersama dengan data yang diperolehi pada perkara 3.2.6 di bawah kerana ia berkaitan antara satu sama lain.

3.2.6 Kesilapan Menentukan Kata Kerja *Ma:ḍi*

Data kesilapan ini diperolehi daripada khutbah Jumaat yang disampaikan oleh khatib bertugas pada 12 Januari 2007 di Masjid UiTM. Berikut dikemukakan data tersebut :-

Kes : Bacaan selawat صَلَّى dan سَلَّمَ

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكُ وَسَلَّمَ

Pengkaji melihat bahawa hukum *'aṭaf* ini perlu diberi perhatian dalam menguasai kemahiran nahu. Hukum *'aṭaf* telah pun dijelaskan di atas. Kesilapan yang dilakukan oleh khatib di sini ialah tidak menyamakan *'aṭaf* dengan *ma 'tu:f* di sudut kata kerja *ma:ḍi* iaitu (صَلَّى)

Pengkaji melihat kemungkinan berlaku kekeliruan khatib dalam memastikan kata kerja *ma:ḍi* dan *amr* atau terikut-ikut dengan tanda *kasrat* pada perkataan-perkataan sebelumnya iaitu إِلَيْهِ وَصَحْبِهِ. Kesilapan ini berkaitan juga dengan contoh yang dikemukakan pada perkara 3.2.5 di atas.

Kesemua contoh di atas berkaitan dengan *fi'l thula:thiyy mazi:d* iaitu kata kerja yang lebih dari tiga huruf. أَلْفٌ dan سَلَّمَ sama dengan *wazan* فَعَّلَ

(asalnya mempunyai dua huruf 'ain, kemudian diidghamkannya dan ditashdi:d). Maka kata kerja *amrnya* dibunyikan dengan اَلْفُ dan سَلَّمَ

Manakala بَارَكَ menyamai wazan فَاعَلَ dan kata kerja *amrnya* berbunyi بَارِكْ. Kaedah pada hukum 'ataf menyatakan bahawa 'ataf dan ma'tu:f

perlu menyamai pada bentuk kata kerjanya. Maka بَارَكَ dan سَلَّمَ perlu

menyamai صَلَّى iaitu 'ataf pada kata kerja ma:di. Manakala kesilapan pada

perkara 3.2.5 lebih sesuai dibaca dengan اَلْفُ dalam bentuk kata kerja *amr*

dan bukan dengan kata kerja ma:di اَلْفَ.

3.2.7 KESIMPULAN ANALISA DAPATAN PEMERHATIAN

Secara keseluruhannya, dapatan daripada pemerhatian ini telah memberi gambaran dan bukti yang jelas bahawa tanpa penguasaan bahasa Arab akan menampakkan kelemahan dan kekurangan dalam pelaksanaan tugas imam/khatib. Kesilapan yang dilakukan ketika menyampaikan khutbah merupakan salah satu bukti kelemahan tersebut berlaku. Pengkaji hanya melihat satu aspek pelaksanaan tugas imam/khatib sahaja iaitu penyampaian khutbah.

Dapatan daripada pemerhatian ini juga menunjukkan bahawa aspek yang mendominasi kesilapan bahasa Arab dalam penyampaian khutbah ialah aspek nahu. Manakala data pemerhatian yang diperolehi melibatkan kesilapan pada aspek *saraf* sangat sedikit. Oleh kerana salah satu fungsi nahu menentukan kedudukan tanda kasus di akhir perkataan, maka pengkaji melihat bahawa para imam/khatib lebih mudah terdedah dengan kesilapan tersebut. Dengan kata lain, kesilapan pantas berlaku dengan hanya mengubah tanda kasus. Ia seolah sesuatu yang remeh, tetapi akibatnya sangat besar.

Dalam tempoh pemerhatian pengkaji di tiga masjid tersebut juga mendapati tiada kesilapan bahasa Arab yang dilakukan oleh imam/khatib di Masjid Daerah Seri Iskandar. Pengkaji berasa penuh yakin bahawa imam/khatib tersebut memiliki pengetahuan bahasa Arab yang kukuh, bahkan dikenali sebagai seorang hafiz dan seorang lagi merupakan qari yang pernah menyertai tilawah peringkat kebangsaan. Berdasarkan penyampaian khutbah mereka, pengkaji dapat merasai betapa jelas dan kemas sebutan setiap perkataan Arab yang disampaikan, tenang dan berhati-hati. Ini juga membuktikan bahawa kemampuan mengendalikan bahasa Arab dengan baik dapat mengelak daripada berlaku kesilapan dalam menyampaikan bahasa tersebut melalui khutbah dan sebagainya.

3.3 ANALISA DAPATAN SOAL SELIDIK MENGENAI TAHAP PENGUASAAN BAHASA ARAB PARA PETUGAS AGAMA DARI ASPEK NAHU DAN *SARAF*.

Soal selidik ini dilakukan ke atas para petugas agama di seluruh daerah dalam negeri Perak. Ia dijalankan bagi mengetahui tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan kumpulan tersebut dalam semua aspek utama bahasa. Namun begitu, pengkaji hanya membentangkan data yang berkaitan isu nahu dan *saraf* sahaja. Soal selidik ini dilakukan secara umum melibatkan semua petugas agama di seluruh daerah dalam Negeri Perak supaya ia dapat diterima dengan baik tanpa timbul rasa tidak puas hati atau menyebabkan sensitiviti mana-mana pihak atau individu. Justeru itu, pengkaji berpendapat bahawa kaedah ini boleh berlaku adil kepada semua pihak. (Soal selidik penuh dikemukakan di lampiran)

Untuk mendapat kerjasama semua pihak, pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) bagi menjalankan soal selidik tersebut. Respon yang baik diterima daripada pihak JAIPk, malah menyokong penuh usaha pengkaji menjalankan soal selidik tersebut.

Lebih 400 borang soal selidik telah dihantar kepada responden. Kebanyakan borang soal selidik dihantar melalui pos ke masjid-masjid yang dipilih bagi mewakili setiap daerah. Hal ini memandangkan kebanyakan petugas agama terdiri

dari kalangan mereka yang bertugas di masjid. Manakala selebihnya dihantar ke Pejabat-pejabat Agama Daerah seluruh negeri Perak. Daripada keseluruhan bilangan borang soal selidik yang dihantar, pengkaji hanya menerima 191 borang sahaja dan kebanyakannya datang dari responden yang bertugas di masjid, iaitu mereka yang berjawatan imam/khatib dan bilal. Terdapat juga masjid-masjid yang tidak memberi maklum balas walaupun semua kelengkapan seperti sampul surat dan setem dibekalkan. Maklum balas dari Pejabat Agama Daerah juga sangat mengecewakan. Borang soal selidik yang diterima dianalisa dengan menggunakan SPSS.

Dalam membentangkan dapatan ini, pengkaji hanya memilih dapatan yang difikirkan perlu serta berkaitan sahaja dan mengabaikan beberapa dapatan lain yang tidak perlu.

Dapatan soal selidik tersebut dibentangkan seperti berikut :-


3.3.1 JAWATAN

JAWATAN

Jadual 1

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	PEGAWAI AGAMA	7	3.7	3.7	3.7
	PENYELIA / PENYELARAS AGAMA	4	2.1	2.1	5.8
	PEGAWAI TAKMIR MASJID	3	1.6	1.6	7.3
	GURU AGAMA	20	10.5	10.5	17.8
	GURU KAFA	31	16.2	16.2	34.0
	IMAM / KHATIB	88	46.1	46.1	80.1
	BILAL	23	12.0	12.0	92.1
	PENDAKWAH / MUBALIGH	6	3.1	3.1	95.3
	LAIN-LAIN	9	4.7	4.7	100.0
	Total	191	100.0	100.0	

Carta 1



Jadual 1 di atas menunjukkan imam dan khatib mencatat jumlah tertinggi menjawab soalan iaitu seramai 88 orang (46.1%), diikuti oleh Guru KAFA (Kelas Asas Fardhu Ain) seramai 31 orang (16.2%) dan 23 orang (12.0%) ialah Bilal serta 20 orang (10.5%) ialah Guru Agama. Manakala responden yang berjawatan selain daripada itu telah mencatat bilangan kurang dari 10 orang. Pengkaji melihat bahawa Jawatan imam dan bilal saling menyokong di antara satu sama lain. Ini adalah kerana jawatan bilal seperti pembantu imam. Ketiadaan imam akan diambil alih tugas tersebut oleh bilal. Oleh itu, jumlah responden yang melibatkan imam dan bilal adalah seramai 111 orang iaitu sebanyak 58.1%. Sehubungan itu, petugas agama yang melibatkan jawatan imam dan bilal menguasai keseluruhan responden. Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat bahawa mereka yang berjawatan pegawai takmir masjid, guru agama, guru KAFA yang berjumlah seramai 53 orang iaitu sebanyak 28.3 % turut berperanan sebagai imam/khatib di kawasan dan kariah masing-masing. Jika dicampur bilangan tersebut dengan bilangan imam/khatib dan bilal, jumlahnya menjadi seramai 164 orang iaitu sebanyak 86.4 %. Justeru itu, pengkaji melihat bahawa dapatan soal selidik ini boleh mewakili suara para imam/khatib.


3.3.2 KEPERLUAN MENGUASAI BAHASA ARAB

ADAKAH ANDA SETUJU BAHAWA TUGAS-TUGAS BERKAITAN URUSAN AGAMA PERLU KEPADA PENGUASAAN BAHASA ARAB?

Jadual 2

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	YA	184	96.3	96.3	96.3
	TIDAK	7	3.7	3.7	100.0
	Total	191	100.0	100.0	

Carta 2



Jadual 2 di atas menunjukkan 184 responden (96.3%) mempunyai kesedaran tentang perlunya menguasai bahasa Arab dalam melaksanakan tugas berkaitan urusan agama. Walaupun sebilangan kecil responden iaitu 7

orang (3.7 %) mengatakan tidak perlu, pengkaji melihat ia suatu yang serius kerana bahasa Arab berkait rapat dengan setiap individu muslim dalam urusan ibadah dan penghayatan terhadap amalan Islam. Sehubungan itu, penguasaan bahasa Arab perlu lebih utama diberi perhatian oleh para petugas agama berbanding masyarakat awam. Justeru itu, kesedaran perlu digerakkan dan ditingkatkan kepada seluruh warga petugas agama tanpa kecuali. Selain data tersebut, terdapat data lain yang diperolehi oleh pengkaji melalui soal selidik yang sama iaitu mendapati 38 orang (19.9%) menyatakan bahawa pekerjaan mereka tidak memerlukan pengetahuan bahasa Arab. Pengkaji agak kecewa dengan data perolehan tersebut kerana responden ialah para petugas agama. Oleh itu, mana mungkin pekerjaan mereka tidak memerlukan pengetahuan bahasa Arab. Persoalan ini perlu dilihat secara serius oleh pihak bertanggungjawab dalam usaha memberi kesedaran secara menyeluruh kepada semua petugas agama mengenai kepentingan mengetahui dan menguasai bahasa Arab tanpa terkecuali seorang pun.


3.3.3 PENGGUNAAN BAHASA ARAB

PERLUKAH PARA IMAM,KHATIB,GURU AGAMA,PEGAWAI AGAMA,PENDAKWAH MENGETAHUI PENGGUNAAN BAHASA ARAB DALAM MENJALANKAN TUGAS MEREKA?

Jadual 3

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	YA	186	97.4	97.4	97.4
	TIDAK	5	2.6	2.6	100.0
	Total	191	100.0	100.0	

Carta 3



Jadual 3 di atas menunjukkan 186 responden (97.4) mengakui bahawa petugas agama perlu mengetahui penggunaan bahasa Arab dalam menjalankan tugas mereka.

Merujuk kepada Buku Panduan Tugas Imam/Khatib, pengkaji mendapati banyak aktiviti yang ditugaskan kepada mereka memerlukan kemahiran mengendalikan bahasa Arab dengan cermat. Diantara tugas para imam/khatib selain mentadbir dan mengurus masjid ialah seperti berikut :

- i. Menjadi imam Sembahyang 5 waktu, Sembahyang Jumaat, Sembahyang Tarawih, dan Sembahyang Hari Raya mengikut giliran yang ditentukan. (Pelaksanaan tugas tersebut turut melibatkan wirid dan doa)
- ii. Menjadi khatib dan membaca khutbah yang dikeluarkan atau disahkan oleh JAIPk.
- iii. Melibatkan diri dalam semua aktiviti ibadat dan aktiviti kebajikan yang dianjurkan oleh masjid, Pejabat Agama Daerah dan JAIPk.

Semua aktiviti di atas tidak dapat dielakkan dari berhadapan dengan penggunaan dan penyampaian bahasa Arab. Imam/Khatib juga bertugas memberi kuliah, ceramah, mengajar kitab dan lain-lain. Manakala bilal pula perlu menggantikan imam/khatib jika imam tidak dapat menjalankan tugasnya atau tidak mampu menyempurnakan tugasnya. Justeru itu, pengetahuan bahasa Arab sewajarnya ditingkatkan.


3.3.4 KERUNSIANGAN PARA PENDENGAR

ADAKAH ANDA SETUJU BAHAWA KESILAPAN PETUGAS AGAMA DALAM MENGUNGKAPKAN BAHASA ARAB (AYAT AL-QURAN & AL-HADITH) KETIKA MENJALANKAN TUGAS MEREKA AKAN MENYEBABKAN KERUNSIANGAN PARA PENDENGAR/JEMAAH

Jadual 4

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	YA	169	88.5	88.5	88.5
	TIDAK	22	11.5	11.5	100.0
	Total	191	100.0	100.0	

Carta 4



Seramai 169 responden (88.5%) bersetuju bahawa kesilapan menyampaikan bahasa Arab terutamanya ayat al-Quran dan al-Hadith akan

menyebabkan kerunsingan para pendengar atau jemaah. Pengkaji berpendapat bahawa kesilapan tersebut tidak mungkin boleh dikenal pasti oleh semua pendengar kerana ia bergantung kepada kemampuan seseorang menganalisa kesilapan berdasarkan tahap pengetahuan dalam bahasa tersebut. Sehubungan itu, pendengar yang berkebolehan mengenal pasti kesilapan tersebut akan merasa sesuatu kekurangan dan kelemahan yang akhirnya menimbulkan kerisauan terhadap penyampaian bahasa tersebut. Apatah lagi jika kesilapan tersebut melibatkan kesan yang besar dalam pelaksanaan ibadah seperti terbatalnya khutbah Jumaat. Oleh kerana lokasi kajian ini dijalankan di kawasan tumpuan masyarakat dan kewujudan ramai golongan yang berpendidikan tinggi seperti para pensyarah dan golongan profesional, maka mereka sentiasa memerhatikan penyampaian khutbah para imam/khatib. Kesilapan yang dimaklumi akan segera ditegur dan merujuk pihak yang lebih mengetahui jika mendapati sebarang kesamaran. Justeru itu, para imam/khatib perlu lebih bersedia dan berusaha sedaya upaya untuk menghindari daripada melakukan kesilapan dalam menyampaikan khutbah terutama kesilapan yang melibatkan rukun-rukun khutbah.

Kerunsingan ini turut dirasai oleh mantan Penyelaras Masjid yang ditemuramah oleh pengkaji dan beliau juga menyedari tentang berlaku kesilapan para imam/khatib menyampaikan bahasa Arab dalam khutbah

mereka seperti kesilapan baris dan menyebut perkataan. Contoh yang diberikan menyamai data yang diperolehi oleh pengkaji iaitu pada perkara 3.2.6 (halaman 102)

Pihak berkuasa agama telah mengeluarkan senarai tindakan imam/khatib sebelum membaca khutbah, diantaranya ialah :

- i. Khatib perlu menyemak terlebih dahulu teks khutbah yang disediakan serta melancarkan bacaan beberapa kali.
- ii. Jika terdapat ayat-ayat al-Quran atau al-Hadith atau bahasa-bahasa yang kurang jelas dan tidak difahami, hendaklah dirujuk kepada mereka yang lebih mengetahui.
- iii. Memastikan sebutan jelas dan terang.

Justeru itu, imam/khatib perlu berusaha dengan gigih secara berterusan untuk mempertingkatkan mutu penyampaian khutbah secara yang lebih berkesan, lebih menarik dan lebih cemerlang (Kertas kerja : Khutbah dan Teknik Penyampaian, 2004). Selain itu, imam/khatib perlu terbuka dan bersedia menerima pendapat orang lain serta berusaha memperolehi maklum balas daripada masyarakat. (Kertas kerja Penguasaan Ilmu dan Pengurusan Program Dakwah : Realiti dan Cabaran Imam, 2005)

Khutbah bukan sekadar menyampaikan mesej kepada para hadirin tetapi juga memerlukan mesej tersebut disampaikan dengan cara yang teratur,

menarik dan berkesan. Penyampaian yang berkesan ialah penyampaian yang memberi keyakinan kepada pendengar, dapat mempengaruhi pendengar dan menyebabkan pendengar boleh menerima malah sanggup menurut saranan dan gesaan yang diutarakan. Walau bagaimanapun terdapat berbagai kelemahan yang menjejaskan penyampaian mesej tersebut dalam kebanyakan khutbah pada hari ini. Antara kelemahan yang ketara ialah :-

- i. Bahasa yang tidak dapat difahami.
- ii. Terlalu banyak membuat kesalahan sebutan.
- iii. Menyampaikan mesej dalam bentuk ayat-ayat yang janggal dan salah yang boleh mengelirukan pendengar.
- iv. Menggunakan bahasa yang longgar, perkataan yang tidak tepat dan tidak sesuai.
- v. Teragak-agak dan gagap.
- vi. Menggunakan intonasi yang tidak betul.

Selain itu, penampilan diri yang menarik mempengaruhi keberkesanan penyampaian khutbah seperti menjaga kekemasan dan kesihatan diri. Bagi memastikan setiap tugas yang dijalankan berkesan dan berkualiti, maka Pegawai Masjid perlu mematuhi kod etika yang digariskan. Di antaranya bertujuan untuk melahirkan pegawai yang profesional dalam mentadbir dan mengimarah masjid (Kertas kerja Kod Etika Pegawai Masjid, 2005)


3.3.5 MEMBACA KARANGAN A RAB TANPA BARIS.

ADAKAH ANDA MAMPU MEMBACA KARANGAN A RAB TANPA BARIS?

Jadual 5

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	YA	74	38.7	38.7	38.7
	TIDAK	117	61.3	61.3	100.0
	Total	191	100.0	100.0	

Carta 5



Jadual 5 di atas menunjukkan seramai 117 responden (61.3%) mengakui tidak mampu membaca karangan Arab tanpa baris dan 74 (38.7%) daripada mereka mengatakan mampu membacanya tanpa baris. Kemampuan membaca teks Arab tanpa baris berkait rapat dengan pengetahuan seseorang

mengenai ilmu *saraf* dan nahu. Kemahiran dalam aspek tersebut akan menghasilkan panduan bacaan yang betul.


3.3.6 TAHAP MEMBACA TANPA BARIS

TAHAP ANDA DALAM MEMBACA SESUATU KARANGAN / MAQALAH BAHASA ARAB TANPA BARIS

Jadual 6

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid BAIK	23	12.0	12.0	12.0
SEDERHANA	103	53.9	53.9	66.0
LEMAH	65	34.0	34.0	100.0
Total	191	100.0	100.0	

Carta 6



Jadual 6 di atas menunjukkan bahawa seramai 103 responden (53.9%) berada di tahap sederhana pembacaan teks arab tanpa baris dan seramai 65

responden (34%) mengakui lemah. Situasi ini memungkinkan ramalan awal bahawa ruang melakukan kesilapan nahu dan *saraf* terbentang di hadapan para petugas agama.

Hasil temuramah pengkaji mendapati tiada program latihan khusus dalam Meningkatkan penguasaan bahasa Arab kepada golongan berkenaaan. Justeru itu, tiada penekanan dalam bidang nahu dan *saraf*. Jika ada sekalipun, ia lebih terfokus kepada isu-isu tajwid dan fasahah. Program latihan yang biasa dilaksanakan kepada imam/khatib ialah program berkaitan pembacaan khutbah, pengurusan masjid, marhaban dan beberapa program kebajikan lain.


3.3.7 TAHAP KEMAHIRAN MELETAKKAN BARIS

TAHAP KEMAHIRAN ANDA DALAM MELETAKKAN BARIS-BARIS PADA SESUATU AYAT BERDASARKAN KAEDAH-KAEDAH NAHU ARAB

Jadual 7

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid BAIK	22	11.5	11.5	11.5
SEDERHANA	93	48.7	48.7	60.2
LEMAH	76	39.8	39.8	100.0
Total	191	100.0	100.0	

Carta 7



Tahap sederhana dalam meletakkan baris mengikut kaedah nahu mencapai jumlah seramai 93 iaitu 48.7% dan lemah seramai 76 iaitu 39.8%. Jadual 7 di atas menunjukkan bahawa kemungkinan besar melakukan kesilapan dalam menyampaikan bahasa Arab adalah sangat tinggi. Mengikut pemerhatian pengkaji, walaupun teks khutbah yang disediakan itu lengkap dengan baris, namun kesilapan tetap berlaku.


3.3.8 TAHAP PENGETAHUAN MENYU SUN AYAT

TAHAP PENGETAHUAN ANDA TERHADAP PENYUSUNAN AYAT ARAB BERDASARKAN KAEDAH PENSTRUKTURAN (MENYUSUN) AYAT YANG SEBENAR

Jadual 8

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid AMAT BAIK	1	.5	.5	.5
BAIK	16	8.4	8.4	8.9
SEDERHANA	98	51.3	51.3	60.2
LEMAH	76	39.8	39.8	100.0
Total	191	100.0	100.0	

Carta 8



Jadual 8 di atas menunjukkan bahawa ramai responden tidak mempunyai asas yang kuat berkaitan kaedah ilmu nahu di sudut susunan dan struktur ayat Arab. Seramai 98 responden (51.3%) berada di tahap sederhana dan 76 daripada mereka (39.8%) mengakui lemah dalam kaedah menyusun ayat tersebut. Kemampuan menganalisa struktur ayat mengikut kaedah nahu akan menghasilkan panduan yang meyakinkan dan ia dapat mengelak daripada berlaku kesilapan.

Penyelaras Masjid yang ditemuramah turut mengakui pernah mengesan kesilapan bahasa Arab yang dilakukan oleh imam/khatib berkaitan nahu dan *saraf* ketika menyampaikan khutbah. Menurut responden, selain kelemahan imam/khatib dalam menguasai ilmu nahu dan *saraf*, kesilapan tersebut berlaku berpunca dari kecuaiannya sendiri kerana tidak membuat semakan secara berhati-hati serta tidak merujuk pihak yang lebih mengetahui. Beliau menegaskan tentang keperluan ilmu nahu dan *saraf* didedahkan kepada para imam/khatib melalui kursus atau program latihan kerana dengan cara tersebut kesilapan dapat dihindarkan. Di samping itu, mereka memiliki panduan khusus berkaitan bahasa Arab serta sedar dan tahu apa yang disampaikan.


3.3.9 TAHAP PENGUASAAN BAHASA ARAB

DIPERINGKAT MANAKAH TAHAP PENGUASAAN BAHASA ARAB ANDA SEKARANG SECARA KESELURUHAN

Jadual 9

	Frequency	Percent	Valid Percent	mulative Percent
Valid BAIK	15	7.9	7.9	7.9
SEDERHANA	92	48.2	48.2	56.0
LEMAH	84	44.0	44.0	100.0
Total	191	100.0	100.0	

Carta 9



Jadual 9 di atas menggambarkan secara keseluruhannya tahap penguasaan bahasa Arab para petugas agama berada di peringkat sederhana dan lemah.

Tahap baik hanya diwakili oleh 15 orang sahaja (7.9 %). Manakala 84 orang (44.0 %) mengakui berada di tahap lemah dan 92 orang (48.0 %) mengakui berada di tahap sederhana. Situasi ini memungkinkan para imam/khatib melakukan kesilapan bahasa Arab dalam menyampaikan khutbah sekalipun teks khutbah disediakan.

Menurut Abdul Rahman al-Fauzan (2008), kemahiran bercakap atau bertutur merupakan kemahiran asas yang sangat diperlukan di zaman mutakhir ini kerana komunikasi di antara manusia menjadi semakin penting. Kemahiran tersebut berada di tahap pertama dalam pengajaran bahasa Arab. Beliau telah menyenaraikan 24 bidang-bidang pertuturan. Di antara yang berkaitan langsung dengan penguasaan nahu dan *sarafialah* :-

- i. Menuturi sebutan Arab dengan betul
- ii. Mengemukakan buah fikiran dengan menggunakan ungkapan yang sesuai dengan kaedah nahu.
- iii. Menyusun perkataan dalam struktur ayat yang betul.
- iv. Menuturi perkataan yang bertanwin dengan betul.

Beliau juga telah menyenaraikan 23 bidang-bidang kemahiran bacaan, di antaranya ialah :-

- i. Membuat analisa sesuatu teks bacaan kepada bahagian-bahagian serta mengetahui hubung kait di antaranya.
- ii. Menggunakan kamus dan rujukan Arab.
- iii. Membayangkan makna beserta tahap kelajuan yang sesuai (pada bacaan nyaring)
- iv. Mengetahui perubahan pada makna berdasarkan perubahan pada struktur ayat.
- v. Menghalusi pertuturan mengikut makhraj huruf yang betul serta memelihara kasus-kasus *i'rab* ketika bacaan secara nyaring.

Sehubungan itu, Penyelaras Masjid yang ditemuramah sangat bersetuju sekiranya pelantikan dan pengambilan bagi mengisi jawatan imam/khatib mengambil kira pengetahuan dan penguasaan bahasa Arab. Beliau menambah bahawa maklumat mengenai perkara tersebut boleh dikenal pasti melalui proses temuduga. Beliau juga mencadangkan jawatan tersebut diisi dari kalangan *huffaz* dan turut mencadangkan supaya para imam/khatib diwajibkan mengikuti program latihan dalam bidang nahu dan *saraf*.

3.3.10 KESIMPULAN ANALISA DAPATAN SOAL SELIDIK

Dapatan daripada data soal selidik yang telah dibentangkan di atas jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya meletakkan petugas agama berada di tahap sederhana dan lemah dalam menguasai bahasa Arab dari aspek nahu dan *saraf*. Malah mereka mengakui berada di tahap sederhana dan lemah dalam semua aspek bahasa Arab. Keadaan ini memungkinan mereka melakukan kesilapan berkaitan semua aspek utama bahasa Arab ketika menyampaikan khutbah.

Berdasarkan dapatan soal selidik di atas juga, pengkaji menegaskan bahawa dapatan tersebut telah menyokong dapatan yang diperolehi dari pemerhatian. Kenyataan ini dibuktikan dengan data pemerhatian yang menunjukkan berlakunya kesilapan nahu dan *saraf* dalam penyampaian khutbah Jumaat seperti yang telah dibentangkan.

Sehubungan itu, Pengkaji mengharapkan dapatan soal selidik yang diperolehi dari seluruh negeri Perak ini dapat menarik perhatian pihak bertanggungjawab untuk mengambil tindakan wajar bagi memastikan kelemahan yang berlaku dapat diatasi dengan pendekatan yang praktikal.

3.4 DAPATAN TEMURAMAH

Pengkaji bersemuka dengan responden untuk mendapatkan maklumat lanjut yang lebih terperinci. Setiap perbualan direkodkan dalam nota (Data hanya dapat direkod dalam bentuk nota sahaja kerana responden tidak selesai dengan rakaman pita suara). Pengkaji terlebih dahulu membuat temujanji dengan responden dan bagi memulakan sesi temuramah, pengkaji menerangkan maksud serta tujuan temuramah dijalankan sehingga responden faham dan bersedia memberi kerjasama. Soalan dikemukakan satu persatu dan diselangi dengan jawapan responden. Oleh kerana pita suara tidak dapat digunakan atas sebab yang dinyatakan tadi, maka pengkaji mengambil langkah membaca dan mengulangi semula jawapan responden yang telah dicatat sehingga responden bersetuju dengan jawapan tersebut. Setelah dipersetujui, responden akan menurunkan tandatangan pada ruang yang disediakan beserta maklumat masa dan tarikh diadakan temuramah tersebut.

Hasil dapatan temuramah ini telah dikemukakan secara bersama dalam pembentangan analisa soal selidik dan turut dikemukakan dalam bab akhir kajian.

Data dari temuramah dikemukakan seperti berikut :

3.4.1 : Responden pertama (Mantan Penyelaras Masjid, bersara pada November 2008)

i. Responden pernah menjawat jawatan penyelaras masjid bagi pentadbiran Pejabat Agama Seri Iskandar selama 7 tahun. Beliau bertanggungjawab menyelarar 36 buah masjid.

ii. Proram latihan yang biasa dilaksanakan oleh responden kepada imam/khatib ialah program berkaitan pembacaan khutbah, pengurusan masjid, marhaban dan beberapa program kebajikan lain.

iii. Responden mengakui tiada program latihan khusus dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab kepada golongan berkenaan. Jika ada sekalipun, ia lebih tertumpu kepada isu-isu tajwid dan membetulkan sebutan huruf.

iv. Oleh kerana tiada program latihan berhubung penguasaan bahasa Arab, maka responden turut mengakui tiada penekanan dalam bidang nahu dan *saraf*.

v. Responden juga menyedari tentang kesilapan yang dilakukan oleh imam/khatib ketika menyampaikan teks bahasa Arab dalam khutbah mereka seperti kesilapan baris dan menyebut perkataan. Contoh yang diberikan menyamai data yang diperolehi oleh pengkaji pada perkara 3.2.6.

vi. Responden memaklumkan bahawa mutakhir ini terdapat usaha pihak Pejabat Agama bagi mengatasi masalah kesilapan para imam/khatib ketika menyampaikan khutbah dengan mengadakan sesi pra bacaan teks khutbah. Selain itu, responden memberi cadangan supaya para imam/khatib diwajibkan mengikuti latihan bahasa Arab khususnya dalam bidang nahu. Responden juga memaklumkan bahawa tidak semua imam/khatib terdiri daripada mereka yang berlatar belakang pendidikan agama/Arab. Malah sebahagian mereka terdiri daripada pesara tentera, polis, guru, kerani dan lain-lain.

3.4.2 : Responden kedua (Imam/Khatib, Masjid Telok Bakong)

- i. Responden bertugas sebagai imam/khatib selama 35 tahun.
- ii. Responden mengakui pernah mengesan kesilapan bahasa Arab yang dilakukan oleh imam/khatib berkaitan nahu dan *saraf* ketika menyampaikan khutbah.
- iii. Menurut responden, kesilapan tersebut berlaku berpunca dari kecuaiian para imam/khatib kerana tidak membuat semakan secara berhati-hati serta tidak merujuk pihak yang lebih mengetahui.
- iv. Beliau menegaskan tentang keperluan ilmu nahu dan *saraf* didedahkan kepada imam/khatib melalui kursus atau program latihan kerana dengan cara tersebut kesilapan dapat dihindari. Disamping itu, mereka memiliki panduan khusus berkaitan kaedah bahasa Arab serta sedar dan tahu apa yang disampaikan.
- v. Responden sangat bersetuju sekiranya pelantikan dan pengambilan bagi mengisi jawatan imam/khatib mengambil kira pengetahuan dan penguasaan bahasa Arab. Responden menambah bahawa maklumat mengenai perkara tersebut boleh dikenal pasti melalui proses temuduga. Beliau juga mencadangkan jawatan tersebut diisi dalam kalangan huffaz.

- vi. Beliau turut mencadangkan supaya para imam/khatib diwajibkan mengikuti program latihan dalam bidang nahu dan *saraf*.

3.4.3 : KESIMPULAN DATA TEMURAMA H

Berdasarkan data temuramah di atas, pengkaji melihat keperluan meningkatkan pengetahuan bahasa Arab yang mesti diberi perhatian serius sama ada oleh individu petugas agama tersebut atau pihak yang berkenaan. Individu berkenaan bolehlah berusaha mengikut kemampuan dan cara sendiri serta bebas memilih mana-mana kaedah untuk meningkatkan pengetahuan bahasa Arab terutama aspek nahu dan *saraf*. Manakala pihak yang bertanggungjawab ke atas individu tersebut perlu merancang dan menyediakan program latihan yang lebih sistematik dan berkesan bagi memenuhi keperluan semua para petugas agama di bawah seliaan mereka.

3.5 KESIMPULAN

Dapatan daripada pemerhatian telah memberi gambaran dan bukti yang jelas bahawa tanpa penguasaan bahasa Arab akan menampakkan kelemahan dan kekurangan dalam pelaksanaan tugas imam/khatib. Kesilapan yang dilakukan ketika menyampaikan khutbah merupakan salah satu bukti kelemahan tersebut berlaku. Dapatan daripada pemerhatian ini juga menunjukkan bahawa aspek yang

mendominasi kesilapan bahasa Arab dalam penyampaian khutbah ialah aspek nahu. Manakala data pemerhatian yang diperolehi melibatkan kesilapan pada aspek *saraf* sangat sedikit.

Dapatan daripada data soal selidik jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya meletakkan petugas agama berada di tahap sederhana dan lemah dalam menguasai bahasa Arab dari aspek nahu dan *saraf*. Malah mereka mengakui berada di tahap sederhana dan lemah dalam semua aspek bahasa Arab. Keadaan ini memungkinan mereka melakukan kesilapan berkaitan semua aspek utama bahasa Arab ketika menyampaikan khutbah. Sehubungan itu, Pengkaji mengharapkan dapatan soal selidik yang diperolehi dari seluruh negeri Perak ini dapat menarik perhatian pihak bertanggungjawab untuk mengambil tindakan wajar bagi memastikan kelemahan yang berlaku dapat diatasi dengan pendekatan yang praktikal.

Dapatan temuramah pula menegaskan keperluan meningkatkan pengetahuan bahasa Arab yang mesti diberi perhatian serius sama ada oleh individu petugas agama atau pihak yang berkenaan. Sewajarnya pihak yang bertanggungjawab ke atas individu tersebut merancang dan menyediakan program latihan yang lebih sistematik dan berkesan bagi memenuhi keperluan semua para petugas agama di bawah seliaan mereka.